

**Soalan No: 91**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [ LUBOK ANTU ]

**TARIKH :** 24.5.2016

**SOALAN :**

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian bagi memastikan objektif program HIP (*High Immersive Programme*) mencapai matlamat yang ditetapkan khasnya di negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program HIP atau *Highly Immersive Programme* bertujuan mewujudkan persekitaran bahasa Inggeris yang berkesan dalam sekolah yang dapat memotivasi pembelajaran serta meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

HIP akan dilaksanakan secara berperingkat dari tahun 2016-2018. Sebanyak 24 sekolah di Sarawak terlibat dalam program HIP Fasa 1 pada tahun 2016. Pada tahun 2016 (Februari hingga Jun) sebanyak 94 sekolah menengah dan rendah akan terlibat dalam Fasa 1 pelaksanaan dan seterusnya sebanyak 1,200 sekolah menengah dan rendah akan terlibat dalam HIP (Julai hingga Disember 2016). HIP akan diperluaskan ke 5,500 buah sekolah pada tahun 2017 dan seterusnya ke semua

sekolah di negara dalam tahun 2018. Dalam program HIP penggunaan Bahasa Inggeris diperkuuhkan melalui aktiviti dalam dan luar kelas.

HIP direka untuk memastikan sekolah-sekolah dibimbing dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan lebih berkesan dan memastikan persekitaran yang sedia ada membolehkan dan menggalakkan lebih banyak penggunaan bahasa Inggeris. Para pemimpin sekolah, guru-guru, murid-murid serta ibu bapa dan masyarakat bersama-sama memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan HIP. Program HIP akan dilancarkan kesemua sekolah di seluruh negara secara berperingkat, dengan sokongan daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Antara langkah-langkah untuk dilaksanakan program ini adalah memberi kuasa kepada sekolah, dilaksanakan oleh sekolah dan ianya untuk sekolah. Sekolah-sekolah juga dibekalkan dengan sarana (*tool kit*) agar sekolah mempunyai panduan untuk merancang aktiviti dengan lebih berkesan, berdasarkan latar belakang dan keupayaan mereka. Sarana ini mengandungi contoh-contoh amalan terbaik daripada sekolah-sekolah yang telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti pengayaan bahasa Inggeris dalam dan di luar kelas.

Sebuah mekanisme sokongan juga disediakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan untuk menggalakkan sekolah-sekolah untuk berkongsi, belajar dan menyokong satu sama lain untuk melaksana aktiviti-aktiviti ini.